

Ubah mentaliti graduan menganggur

Oleh SHAFUL BAHRI SAIDIN

TIADA satu pun negara di dunia termasuk negara maju boleh menjanjikan 100 peratus peluang pekerjaan kepada graduan lepasan institut pengajian tinggi (IPT). Malah di negara jiran yang paling hampir, Indonesia, kerajaannya lebih menggalakkan graduan lepasan beratus universitinya mencari pekerjaan sendiri atau menceburi bidang perniagaan. Sehingga dana khas perniagaan untuk graduan yang disalurkan kepada bank-bank tempatan mereka habis peruntukannya dalam sekelip mata sahaja.

Di negara kita graduan masih mengharapkan kerajaan menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Puncanya kerana graduan IPT kita terlalu dimanjakan dan kebanyakannya telah dirasuk faktor kebendaan seawal usia semasa dalam pengajian lagi.

Sudahlah pengajian mereka sentiasa dititikberatkan oleh kerajaan dengan lambakan kemudahan, bantuan dan sokongan. Inikan pula selepas tamat pengajian, pun masih berharap kerajaan membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Malah ada golongan yang dengan sewenang-wenangnya menyalahkan kerajaan apabila berlaku lambakan graduan menganggur di pasaran. Apakah kita hidup di Malaysia ini asyik hendak mengharapkan kepada kerajaan dalam segala segi?

Akibat terlalu ditatang bagai minyak yang penuh, graduan masa kini tidak mempunyai daya tahan dan daya saing yang tinggi. Semangat juang untuk hidup bergelar graduan dianggap terlalu tinggi dan eksklusif. Mentaliti sakit sebeginilah yang telah merosakkan nilai graduan IPT di pasaran kerja tempatan.

Apakah tujuan sebenar mereka melanjutkan pelajaran ke menara gading? Apakah mereka sudah mengabaikan tuntutan menuntut ilmu untuk menjadi insan yang berguna dan berfikiran terpelajar mesti berakhir dengan bekerja dengan bergaji besar? Apakah dengan segulung diploma dan ijazah itu bermakna mereka secara automatiknya menjadi warga "permata" kepada negara?

Saya yakin ramai graduan IPT tahun 1970-an dan 80-an bersetuju dengan pendapat saya bahawa kita dahulu lebih terbuka dengan sikap boleh berdikari dan tidak terlalu memilih kerja dan gaji yang ditawarkan. Malah semasa kegawatan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an, saya sendiri dan rakan-rakan yang lain tidak mengeluh kerana bekerja di bidang yang berlainan dengan apa yang diperolehi dan tidak merungut apabila dibayar dengan gaji yang kecil.

Ketika itu Skim Khas Siswazah (SKS) diperkenalkan oleh beberapa agensi kerajaan dan pihak swasta. Saya sendiri ditawarkan jawatan pegawai SKS tetapi bertangga gaji kerani. Ada rakan saya berkelulusan jurutera elektrik ditawarkan sebagai eksekutif di ki-

Um - 20/12/2006
lang syarikat milik kerajaan (GLC) tetapi tugasnya ialah sebagai *line leader*.

Malah ramai rakan-rakan saya berniaga kecil-kecilan seperti membuka warung burger dan menjual baju terpakai *bundle* di kampung masing-masing. Malah pengilang dan pengeluar burger terkenal di negara masa kini berjaya dalam perniagaannya hasil menjual burger selepas tamat pengajian walaupun mempunyai ijazah farmasi.

Ketika itu berlaku kegawatan ekonomi di seluruh dunia. Dengan ketahanan diri dan boleh berdikari di samping telah merasa susah senang untuk hidup semasa di IPT, kami boleh menghabiskan pengajian tepat pada waktunya tanpa *extend* semester. Tanpa biasiswa dan pinjaman pelajaran, kami masih boleh belajar bersungguh-sungguh dengan persekitaran dan peralatan yang serba kekurangan.

Apakah graduan sekarang sanggup menempuh gelodak kerjaya sebegini dengan dibayar upah rendah berbanding dengan kelulusan yang diperolehi?

Sanggupkah mereka menerima kenyataan realiti kehidupan bahawa setinggi mana pun kelulusan belum tentu menjamin pendapatan yang setimpal?

Kebanyakan graduan lepasan IPT sekarang hanya boleh berbangga dengan sekeping diploma atau ijazah, tetapi masih mundur ilmu. Pengajian yang mereka peroleh dari IPT seolah-olah tidak berguna langsung. Mentaliti mereka ialah apabila tamat sahaja pengajian, mereka bermimpikan gaji yang lumayan dan kesenangan dan kemewahan yang bakal mereka kecapai.

Ini semuanya berpunca daripada sikap boros dan mementingkan kebendaan semasa masih bergelar siswazah lagi. "Kemewahan" semasa di IPT sebenarnya telah "membunuh" diri mereka sendiri. Dengan biasiswa dan pinjaman pelajaran yang kebanyakannya telah disalahgunakan, menyebabkan mereka apabila keluar dari IPT menjangkakan hidup bermewah semasa belajar dapat diteruskan semasa di alam pekerjaan.

Oleh itu mereka masih bergantung harap kepada kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Ini kerana mereka sudah 'banyak lemak' semasa masih bergelar mahasiswa lagi.

Ramai graduan menganggur takut untuk memasuki pasaran kerja swasta kerana mereka tahu kelemahan diri mereka sendiri. Kelemahan utama ialah sangat lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris. Sudah terlambat sebenarnya untuk memperbaiki diri kerana peluang yang ada untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di IPT tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Malah ada mahasiswa yang menyindir rakan-rakan yang berbahasa Inggeris dan menjawab soalan peperiksaan dalam bahasa Inggeris kerana kononnya tidak patriotik. Sekarang ini mereka perlu menjawab kepada diri sendiri yang masih tidak 'berkelayakan' untuk

Di negara kita graduan masih mengharapkan kerajaan menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Puncanya kerana graduan IPT kita terlalu dimanjakan dan kebanyakannya telah dirasuk faktor kebendaan seawal usia semasa dalam pengajian lagi

bekerja setaraf dengan kelulusan mereka.

Graduan sekarang juga takut untuk berniaga sendiri kerana malu dan segan. Malah ada yang beranggapan bukan taraf mereka untuk berniaga. Ada siswazah lulusan pertanian masih berharap untuk makan gaji sedangkan keupayaan dan kapasiti mereka sudah cukup untuk menjadi petani moden dengan pinjaman bank yang tersedia untuk dipohon.

Inilah sikap bodoh sombong graduan sekarang. Mereka masih tidak mahu mengakui hakikat bahawa mereka bukannya hebat sangat dengan segulung diploma dan ijazah. Tanpa pengalaman bekerja janganlah bermimpi yang indah untuk mendapatkan gajian yang lumayan.

Graduan perlulah mengukur baju di badan sendiri dan mengakui hakikat setakat mana sebenarnya kebolehan mereka. Tanpa kemahiran dan pengetahuan selain dari apa yang dipelajari, jangan harap mereka dengan mudah boleh diterima bekerja sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta.

Saingan hebat masa kini di pasaran buruh sudah tentunya mendatangkan masalah be-

sar kepada graduan menganggur terutamanya graduan Melayu. Mereka tidak serius dalam menyediakan diri mereka memasuki alam pekerjaan. Malah sikap malas untuk menilai diri sendiri dan menambah baik prestasi diri mengakibatkan mereka menemui kegagalan setiap kali temu duga.

Zaman penuh pancaroba dan perlumbaan untuk berjaya dalam hidup sebenarnya tiada tempat untuk graduan yang malas. Sepatutnya semasa ada masa terluang sementara mendapat pekerjaan, mereka harus melengkapkan 'resume' mereka dengan selengkap yang mungkin, banyakkannya membaca untuk menambah ilmu pengetahuan dan cuba berinteraksi dengan sesiapa sahaja. Tujuannya untuk mendapatkan keyakinan diri dan tidak takut untuk menghadapi temu duga.

Sikap primitif dan lapuk bahawa selepas sahaja tamat pengajian IPT, graduan akan bekerja dengan gaji empat angka, sepatutnya sudah lama dihakiskan dalam pemikiran masyarakat kita. Juga sesiapa yang bergelar graduan akan cerah masa depannya, perlu ditepis sama sekali.

Mungkin telah tiba masanya graduan menganggur di negara kita bekerja dengan jawatan yang rendah dan gaji yang kecil dahulu dengan tujuan untuk menimba pengalaman. Tidak ada salah dan dosanya jika graduan pemasaran bekerja sebagai jurujual, graduan kejuruteraan awam bekerja sebagai penyelia tapak, graduan perubatan bekerja sebagai pembantu klinik dan graduan akauntan bekerja sebagai kerani akaun.

Paling elok graduan menganggur berpadu tenaga bersama-sama rakan satu pengajian mereka untuk menubuhkan syarikat dan menjalankan perniagaan. Modal tidak menjadi masalah sebenarnya kerana banyak bank dan agensi kerajaan seperti Mara, Tekun, PUNB dan SME Bank yang boleh membantu mereka jika mereka berusaha dan teliti untuk memajukan diri dan masa depan mereka.

Graduan jangan memikirkkan lagak dan standard mereka untuk 'demand' tenaga kerja mereka kerana anda sebenarnya masih mentah dalam mengenal erti hidup bekerja. Carilah pengalaman sebanyak mana yang mungkin dan di mana sahaja sekalipun.